



**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH, NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU BILANGAN
2/1968**

*Penyerahan Notis yang Dikeluarkan Oleh
Pemegang Gadai Kepada Penggadai-
Seksyen 254(1) Kanun Tanah Negara*

Seksyen 254 Kanun Tanah Negara tidak ada mengandungi cara untuk menyampaikan Notis Ganti Penyerahan sebelum tanah gadaian itu dijual, jika Notis secara persendirian tidak dapat diserahkan. Seksyen itu cuma menyatakan cara menyampaikan Notis secara persendirian (personal Service) sahaja.

2. Jika Notis yang dikeluarkan oleh Pemegang Gadai kepada penggadai (Borang 16D) itu tidak dapat diserahkan secara persendirian atau dikembalikan oleh Pejabat Pos sekiranya Notis itu dikirimkan dengan Pos Berdaftar, adapun cara menyerahkan Notis itu bolehlah dibuat mengikut seksyen 432 Kanun Tanah Negara iaitu dengan cara Notis Ganti Penyerahan (Substituted Service). Seksyen 431, 432 dan 254 Kanun Tanah Negara adalah seksyen-seksyen am yang boleh digunakan atas cara-cara menyampaikan atau menyerahkan Notis mengenai mana-mana tanah.

3. Jika tanah itu berpegang dengan Hakmilik Pejabat Tanah, maka yang memegang gadaian itu (chargee) bolehlah membuat permohonan kepada Pemungut supaya Notis itu diserahkan mengikut cara Notis Ganti Penyerahan (Substituted Service) di bawah seksyen 432 kanun Tanah Negara.

4. Jika tanah itu berpegang dengan Hakmilik Pendaftar, maka yang memegang gadaian itu (chargee) bolehlah membuat permohonan kepada Pendaftar supaya Notis itu diserahkan mengikut cara Notis Ganti Penyerahan (Substituted Service) di bawah seksyen 432 kanun Tanah Negara.

5. Peraturan ini adalah dikeluarkan bagi panduan semua Pemungut-pemungut dan Pendaftar-pendaftar apabila mereka menerima permohonan dari Pemegang Gadai untuk menyerahkan (serve) Notis di bawah seksyen 254(1) Kanun Tanah Negara kepada Penggadai dengan cara Notis Ganti Penyerahan (Substituted Service) di bawah seksyen 432 Kanun Tanah Negara.

6. Pekeliling yang diedarkan ini telah mendapat persetujuan bersama dengan semua Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah dan Galian.

HJ. ABDUL RAHMAN BIN MOHD SALLEH
*Pesuruhjaya Tanah,
Negeri-negeri Tanah Melayu*

P.T.TM 38/66

Kuala Lumpur,
23hb September, 1968